

Hancurnya Satu Harapan

Mohd Yazid Md Yatim

Assalamualaikum! Kak Ita, Ibu, Hisyam datang ni,” teriak Hisyam sambil mengetuk daun pintu rumah kakaknya yang tertutup rapi. Hisyam terpaksa sejenak sambil memasang telinga untuk mendengar bunyi tapak kaki milik orang yang akan membuka pintu itu.

“Assalamualaikum! Ibu...Kak Ita...” Hisyam ulangi salam dan terus mengetuk pintu itu.

Beberapa saat kemudian, kedengaran selak pintu ditolak dan secara perlahan-lahan daun pintu itu dibuka.

“Waalaiikum salam,” kelihatan kelibat Mak Jah yang agak lemah dan lesu menjawab ucap salam anaknya.

Hisyam mencapai tangan kanan ibunya lalu menciumnya. Ibunya menjemputnya masuk lalu mereka duduk di ruang tamu rumah tiga bilik yang dihias ringkas dan rapi.

Sejak pemergian suaminya tiga tahun yang lalu, Mak Jah telah tinggal bersama anak sulungnya, Rozita, di estet perumahan Ang Mo Kio. Mak Jah yang sudah menjangkau usia tujuh puluh lima tahun itu menghadapi sakit jantung dan semput. Doktor telah menasihatinya supaya menjaga pemakanannya dan mengelakkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan tekanan terhadap dirinya.

Kak Ita yang bekerja sebagai kerani di sebuah sekolah, masih belum ketemu jodohnya. Dia pernah bertunang dengan pemuda pilihannya namun tidak sampai ke jinjang pelamin. Sejak itu, Kak Ita serik untuk bercinta lagi. Dia lebih senang menumpukan masanya dengan pekerjaannya dan menjaga ibunya.

Anak Mak Jah yang kedua, Zahara, telah berumah tangga dengan seseorang berbangsa Mahgribi dan telah bermastautin di negara kelahiran suaminya itu. Kali terakhir dia pulang ke tanah air untuk menjenguk

keluarganya adalah pada hari pengebumian bapanya. Pak Taib meninggal dunia secara tiba-tiba setelah diserang sakit jantung di dalam tandas rumahnya. Mak Jah yang ke tandas untuk membersihkan diri untuk bersolat Subuh, menemui suaminya terlantar di atas jubin tandas tidak sedarkan diri. Pak Taib meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital.

“Ke mana kau menghilang Syam? Dah masuk sebulan kau tak datang ke sini. Sibuk sangat ke sampai tak ingat Ibu?” Mak Jah memecahkan kesunyian ruang tamu.

“Maafkan Syam, Bu. Banyak treler rosak. Ada pula pemandu yang ambil cuti sakit. Jadi, terpaksa Syam gantikan mereka. Lepas waktu kerja, Syam dah tak larat nak buat apa-apa lagi, Ibu. Hujung minggu pula Syam cuba kemas barang-barang yang belum sempat Syam buka sejak pindah kelmarin. Masih tersadai di dalam setor,” jawab Syam panjang lebar.

Sebenarnya Hisyam berasa serba salah kerana sudah hampir sebulan dia tidak menjenguk Mak Jah. Biasanya, dia akan datang mengunjungi ibunya setiap hujung minggu untuk bertanyakan khabar sambil berbual-bual. Sebagai anak bongsu, Hisyam amat disayangi oleh keluarganya. Kedua-dua kakaknya pun sangat rapat dengannya dan memanjakan Hisyam sejak dia kecil.

Hisyam sebagai anak lelaki dalam keluarga tahu akan tanggungjawabnya. Dia banyak membantu mengerjakan tugas rumah. Dialah yang akan ke kedai untuk membeli keperluan barang-barang dapur. Dialah yang akan mencuci tandas. Dialah yang akan mengelap tingkap dan dialah yang akan menemani ibunya atau kakak-kakaknya sekiranya mereka ingin ke mana-mana. Hisyam amat senang dan gembira melakukan semua itu demi keluarganya.

Walau bagaimanapun, keadaan berubah setelah Hisyam berumah tangga dengan Mona. Dia sering disindir oleh isterinya sekiranya dia membantu ahli keluarganya. Untuk menjaga hati isterinya, Hisyam mengutamakan isterinya dan jarang memberikan perhatian kepada keluarganya. Hisyam sedar apa yang dilakukan itu menentang keinginan jiwanya. Hatinya berasa sedih kerana sikap isterinya yang kurang faham akan tanggungjawabnya sebagai anak lelaki dalam keluarganya.

“Apa khabar Mona dan anak-anak engkau, Syam?” tanya Mak Jah perlahan.

Hisyam macam sudah menjangka soalan yang akan disuarakan oleh ibunya. Ibunya tidak terlepas menanyakan khabar menantu dan cucu-cucunya walaupun hubungan mereka tidak semesra yang Hisyam inginkan.

“Dah lama mereka tidak datang ke sini. Diam tak diam, dah masuk tiga bulan Ibu tak jumpa budak-budak tu. Rindu juga Ibu dengan mereka, Syam,” Mak Jah merayu kepada anaknya.

“Peperiksaan dah dekat, jadi Mona sibuk membantu mereka dengan pelajaran di rumah. Haikal akan duduki peperiksaan PSLE pada Oktober nanti dan Hafiz pula akan sedang siap-siap nak ambil peperiksaan aliran ke darjah empat. Hisyam pun dah tak sampai hati nak ajak mereka ke sini. Apabila diajak, mereka selalu sedang sibuk belajar. Biarlah mereka. Sudahlah Ibu, cukuplah Hisyam sahaja yang menjenguk Ibu. Ibu pun tak sihat nak layan kerenah mereka nanti,” Hisyam menjawab sambil memberi alasan untuk mempertahankan isteri dan anak-anaknya.

“Bagaimana pula dengan rumah baharu kau? Sejak kau pindah, sekali sahaja Ibu jejakkan kaki di sana. Teringin juga Ibu tidur di rumah kau Syam untuk tukar-tukar angin. Dulu di rumah lama, tak pernah pun kau jemput Ibu tidur di rumah kau. Ibu harap-harap sebelum Ibu pejamkan mata, sempat juga Ibu tidur di rumah kau dan dapat bermesra dengan anak-anak kau, Syam.

“Ibu nak tidur sini?” bentak Mona apabila Hisyam menyuarakan hajat Mak Jah kepada isterinya selepas makan pada malam itu.

“Siapa yang hendak jaga makan minum Ibu dan ubat-ubatnya, Bang? Takkan Mona nak duduk di depan Ibu dan layan Ibu sehari suntuk. Budak-budak tu tak perlu belajar? Kalau mereka gagal, siapa yang malu Bang? Kita juga. Abang tu lainlah. Mana nak peduli fasal anak. Abang duduk dalam treler siapa nak tanya. Tapi saya, satu pejabat akan tanya berapa anak kita dapat untuk peperiksaan PSLEnya,” Mona menghembuskan hujah-hujahnya seperti seorang pendebat mempertahankan mauduk perbincangannya.

“Sudahlah Bang, Mona tak sangguplah Bang,” Mona memberi kesimpulan perbahasan sehalu yang berlaku pada malam itu.

Keadaan pada malam itu agak panas dan tidak berangin seperti biasa. Mona telah jauh berlayar di alam mimpi setelah mengharungi satu gelombang yang mendadak tadi. Hisyam masih terbaring menatap siling bilik tidurnya sambil membiarkan kata-kata isterinya terngiang-ngiang menyelubungi gegendang telinganya. Wajah ibunya yang lemah lesu terbayang-bayang pada permukaan siling menyukarkan Hisyam untuk melelapkan mata.

Rumah Kak Ita penuh sesak. Saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai mengisi ruang tamu. Mereka duduk diam. Ada yang tunduk bertafakur. Ada yang memegang kitab Yasin dan perlahan-lahan kedengaran suara mereka membaca ayat demi ayat. Sekujur mayat yang telah siap dimandikan dan dikafankan berada di tengah ruang tamu. Hanya bahagian muka yang kelihatan. Masih ada peluang untuk ahli keluarga menatap wajahnya. Satu persatu anak Mak Jah ke hadapan untuk menabur pacai dan menghayati raut wajah seorang insan yang telah bersusah payah melahirkan dan membesarkan mereka bertiga. Terbayang di kotak minda mereka saat-saat pahit dan manis bersama ibu mereka yang kini telah pergi dan tidak akan kembali untuk selamanya.

Hisyam, yang sejak tadi duduk berteleku di bahagian kaki sambil memegang erat jari-jemari arwah ibunya yang telah berbalut kain putih, ingin menciumnya untuk meminta maaf atas segala perbuatan yang dilakukan terhadap ibunya. Dia diselubungi perasaan kesal yang teramat sangat kerana tidak dapat menunaikan hajat ibunya pada saat-saat akhir hayatnya. Kak Ita sejak tadi memerhatikan adik lelakinya. Dia menghulurkan sehelai tisu kepada Hisyam lalu mencuitnya untuk ke hadapan untuk menabur pacai. Dengan berat hati, Hisyam mengengsot ke arah muka ibunya. Tanpa diduganya, sebak dan perasaan kesal yang berbuku sejak tadi terhambur keluar. Hisyam meraung dengan tangisan yang tidak terkawal meminta maaf kepada ibunya. Pacai yang digenggamnya bertaburan ke atas tikar yang mengalas jenazah.

“Ibu, maafkan Hisyam Ibu...maafkan Hisyam!”

Raungan Hisyam telah memecahkan suasana malam sepi dan mengejutkan Mona daripada tidurnya. Dia tergesa-gesa cuba menyedarkan Hisyam daripada igauannya.

“Abang, bangun Bang...Abang, bangun Bang!”

Hisyam tersedar daripada tidurnya sambil mengesat air mata yang mengalir.

“Apa yang Abang igaukan sampai meraung-raung kuat?” tanya Mona yang berasa marah kerana tidurnya yang terganggu itu.

“Ibu... Abang mimpi yang Ibu telah meninggal dunia sebelum sempat tidur di rumah kita,” jawab Hisyam yang masih memikirkan maksud di sebalik mimpinya.

Pada esok paginya, Hisyam dan Mona duduk di ruang balkoni rumah mereka sambil menikmati sarapan. Memang nyaman duduk di balkoni yang dilengkapi dengan sepasang kerusi betawi dan sebuah meja bulat untuk dua orang bersembang sambil menikmati hidangan ringan. Walaupun keadaan pada pagi itu tenang dan nyaman, fikiran Hisyam masih berkecamuk diselubungi mimpi ngeri semalam. Mona, yang telah bersiap untuk ke tempat kerja dapat membaca apa yang ada dalam fikiran suaminya.

“Sudahlah Bang, kalau Abang risau sangat dengan mimpi Abang tu, Abang ajak saja Ibu tidur di rumah kita pada hujung minggu ini. Tapi janji, hanya satu dua malam sahaja. Mona boleh korbankan hujung minggu ini untuk menyambut kehadiran Ibu. Mona pergi dulu,” pamit Mona sambil menghulur tangan lalu mencium tangan suaminya.

Pada pagi Jumaat itu, Mak Jah sudah bersiap-siap dengan barang-barang yang dia perlukan untuk bermalam di rumah anak lelakinya. Dua persalinan baju basahan dan ubat-ubatannya telah disusun rapi dan dimasukkan ke dalam sebuah beg plastik. Hatinya amat gembira kerana akhirnya dapat juga dia tidur di rumah Hisyam dan bermain dengan kedua-dua cucunya walaupun hanya untuk dua malam.

Mak Jah tiba di rumah Hisyam di Pasir Ris pada pukul enam petang bersama Kak Ita. Kak Ita telah menghantar ibunya setelah pulang selesai

bertugas. Mereka disambut oleh Hisyam, Haikal dan Hafiz. Wajah cucu-cucu yang dirindui jelas amat gembira dengan kehadiran nenek mereka. Apatah lagi, Nenek bukan sahaja datang untuk menziarahi mereka tetapi akan bermalam di rumah mereka.

“Kak Ita, makan malam di sini ya,” pelawa Mona yang muncul dari dapur kepada kakak iparnya. Kak Ita hanya tersenyum menandakan setuju.

Pada malam itu, Mona telah menghidangkan lauk-pauk yang digemari ibu mertuanya. Dia telah pulang awal untuk memasak lauk asam pedas bersama ikan pari, sambal goreng pengantin dan sayur kailan yang ditumis dengan sos tiram. Sempat juga dia padankan dengan sambal belacan mangga, hidangan sampingan yang pertama kali dinikmatinya setelah bernikah dengan Hisyam. Mak Jah rasa terharu dengan apa yang dilihat di atas meja makan kerana dia dapat rasakan bahawa kehadirannya amat dialu-alukan oleh Hisyam sekeluarga.

“Ibu, Kak Ita, marilah kita makan. Masakan istimewa untuk tetamu istimewa,” jemput Hisyam yang cuba menceriakan suasana yang agak dingin sejak petang tadi.

“Wah, sempat Mona masak lauk-pauk ni, buat susah-susah saja,” Kak Ita bersuara apabila melihat apa yang terhidang di atas meja.

“Bukan selalu Ibu dan Kak Ita datang ke sini. Taklah susah sangat hendak sediakan masakan yang selalu Ibu masak ni,” sampuk Hisyam yang cuba mengambil hati ibunya.

Mak Jah dan Kak Ita pun menarik kerusi yang bersebelahan dan duduk dengan selesa. Haikal dan Hafiz menyusuli kemudian dan mengambil tempat di hadapan Kak Ita dan Mak Jah. Hisyam dan Mona mengambil tempat di kedua hujung meja makan bertentangan antara satu sama lain.

“Jemput makan Bu, Kak Ita. Ambillah lauk-pauk tu, tak tahu rasa sedap ke tidak,” pelawa Mona merendah diri.

Ketika Mak Jah cuba mencapai lauk asam pedas yang jauhnya lebih selengan, sikunya telah tersenggol gelas yang berisi air oren lalu jatuh dan

pecah. Gelas kristal yang baru sahaja Mona keluarkan dari dalam almari, khas untuk digunakan menyambut tamu istimewanya.

“Astaghfirullah'alazim!” Mona beristighfar secara spontan melihat gelas kristalnya pecah.

Dia terus ke dapur untuk mengambil kain basahan dan penyeduk sampah untuk bersihkan tumpahan yang baru berlaku itu. Wajahnya yang tadi manis dengan senyuman berubah menjadi masam seperti cuka. Mona dengan pantas memungut serpihan gelas yang pecah dan menggunakan kain basahan untuk mengelap air yang tumpah. Dia juga pastikan tiada serpihan-serpihan gelas yang halus yang mungkin terdapat di atas meja.

“Er...er...Bu, Kak Ita, makan dulu ya, biar saya ke dapur untuk gantikan gelas Ibu,” Hisyam berasa serba salah cuba menenangkan keadaan.

Hisyam mendapatkan sebiji gelas yang baharu dan isikan dengan air suam untuk menggantikan dengan gelas yang pecah.

“Abang, cuba Abang lihat, baru beberapa jam Ibu ada di sini, gelas kristal Mona dah pecah. Kalau dua hari Ibu tinggal di sini, Mona tak tahu apa lagi yang akan pecah dalam rumah ini,” Mona berbisik kepada suaminya, cuba menahan kemarahannya.

“Sudahlah, bukan Ibu sengajakan. Kita sebagai anak, haruslah mengalah dengan orang tua. Bukannya selalu Ibu ke rumah kita,” Hisyam cuba menenangkan isterinya.

“Sebab itu saya katakan, saya tak tahu apa lagi yang akan pecah selama Ibu ada di sini,” Mona masih cuba menyuarakan perasaan marahnya terhadap ibu mertuanya itu.

Tanpa disedari, perbualan mereka yang seakan berbisik telah didengar oleh Mak Jah dan Kak Ita walaupun tidak begitu jelas. Selera Mak Jah yang tadinya terbuka apabila melihat hidangan di atas meja, berubah dalam sekelip mata. Dia rasa serba salah. Dia rasa dirinya menjadi punca ketegangan.

“Mungkin betul apa yang dikatakan Mona. Mungkin aku akan rosakkan barang-barang Mona yang lain. Mungkin aku tidak harus berada di rumah ini,” sebak terasa di hati Mak Jah.

“Hisyam, Ibu rasa Ibu hendak balik sajalah malam ni. Ibu tidak mahu disebabkan Ibu, engkau suami isteri bergaduh. Maafkan Ibu kalau kedatangan Ibu menyusahkan kau berdua. Sememangnya Ibu tidak layak untuk tidur di rumah engkau,” Mak Jah merintih dengan linangan air mata sebaik saja Hisyam keluar dari dapur.

Sepanjang perjalanan pulang, air mata Mak Jah terus mengalir membasahi sapu tangan yang digenggam sejak tadi. Fikirannya menerawang memikirkan tentang kejadian yang berlaku. Mak Jah mula terbatuk-batuk dan pernafasannya mula bergerak lebih cepat seperti biasa. Mak Jah bersandar sambil mengurut-urut dadanya.

“Ibu rasa sedih dengan sikap Kak Mona. Bukankah ibu mertua patut dilayan sama seperti ibunya sendiri? Apabila Ita berkahwin nanti, jangan sekali-kali derhaka kepada ibu mertua Ita. Biarlah, satu hari nanti, Tuhan akan tunjukkan kepadanya betapa remuk hati Ibu ini.”

Hisyam bersiap-siap seperti biasa untuk pergi bekerja. Hisyam telah bersetuju untuk menerima satu tempahan untuk menghantar barang-barang binaan dari PSA untuk dihantar ke kawasan Jurong. Mona mengiringi suaminya hingga ke pintu.

“Abang balik setengah harikan hari ini? Nanti Mona masakkan pecal ayam, untuk makan tengah hari nanti,” janji Mona kepada Hisyam yang sedang memakai kasut di luar pintu rumah mereka.

“Tak payahlah Mona, lauk semalamkan masih ada. Panaskan sahaja. Bazir pula kalau tidak dimakan.”

“Baiklah, Bang,” Mona menurut cadangan Hisyam sambil mencium tangan suaminya.

Mona rasa tidak menentu pada pagi itu. Hatinya berasa resah bercampur bimbang. Dia cuba menenangkan hatinya dengan membuat kerja rumah. Sedang Mona menyidai pakaian yang baru dicucinya tiba-tiba, Mona tersentak mendengar bunyi telefon antik yang tergantung di sudut ruang tamu rumahnya. Degupan jantungnya kembali bergerak pantas.

“Siapakah yang telefon pagi begini agaknya?” bisik hatinya tertanyanya.

“Helo... ya, saya Mona. Ya, Hisyam suami saya. Apa...Bagaimana keadaan dia sekarang? Baik, saya akan ke hospital sekarang.”

Apabila tiba di hospital, Mona telah dibawa ke sebuah bilik kaunseling oleh seorang pegawai polis wanita dan menjelaskan kepadanya mengenai perkara yang telah terjadi kepada suaminya.

“Helo, Kak Ita. Ini Mona Kak,” Mona tabahkan semangatnya untuk memberitahu Kak Ita tentang berita yang baru diterimanya.

“Hisyam... Hisyam sudah tak ada Kak,” terputus-putus Mona cuba berkata-kata.

“Dia... dia... terjatuh... ketika cuba mengikat balang-balang batu di atas trelernya. Balang-balang batu itu telah menghempapnya Kak...” Mona tidak dapat melanjutkan perbualan. Hanya tangisan sahaja yang dapat dilafazkan .

“Astaghfirullah'alazim... Innalillah wainna illaihi rojiun.” Kak Ita juga tidak dapat berkata apa-apa lagi selain daripada mengulangi doa kepada yang maha Esa. Sesungguhnya kita ialah milik Allah dan kepada-Nya kita kembali.

Dalam tersedu-sedan, Kak Ita merapati ibunya yang telah mendengar perbualannya tadi. Ternyata Mak Jah sudah mencurahkan air matanya sebelum Kak Ita memberitahu perkara yang sebenar. Tiada kata yang dapat diucapkan lagi. Dia sedar segala ucapannya ialah doa. Lebih-lebih lagi mengenai keluarganya. Hatinya yang baru terguris kembali pedih bak luka yang disirami garam telah membuatnya. Tiada sesekali dia mengharapkan balasan yang sedahsyat itu untuk anak kesayangannya itu. Mak Jah sedar ini merupakan ketentuan-Nya yang harus diterima kerana setiap kejadian di muka bumi ini, pasti ada sesuatu yang ingin ditunjukkan kepada kita. Hanya

hati yang merelakan pemergian anaknya sahaja yang akan menenteramkan jiwa ini. Harapan seorang ibu tetap satu, moga anaknya aman tenteram di alam sana.

Kak Ita menghampiri lantas mendakap ibunya dengan erat, diiringi esakan kedua-dua anak-beranak itu.

Perbendaharaan Kata

- berkecamuk – tidak tenteram atau menjadi kacau
- berteleku – duduk dengan kedua-dua belah siku bertumpu atau terletak pada sesuatu (seperti riba, katil dan sebagainya).
- hujah-hujahnya – pendapat berserta alasan yang menyokong sesuatu pendirian
- kelibat – rupa seseorang atau sesuatu yang kelihatan sepintas lalu saja
- kerenah – tingkah laku, ragam, kemahuan
- menerawang – fikirannya melayang jauh
- menyelinap – timbul atau mendatang
- pamit – minta diri untuk beredar
- tersenggol – tergesel atau tersentuh

